

Selasa – 21 Julai 2020

Halaman : 11

## **7,000 Orang Asli terputus hubungan**

**Gua Musang:** Aktiviti harian lebih 7,000 Orang Asli di pedalaman di sini, terjejas apabila terputus hubungan akibat jambatan runtuh dan jalan tertimbus, empat hari lalu.

Antara pos Orang Asli terjejas ialah Pos Tohoi, Simpor, Gob, Belatim dan Bihai.

Kejadian hujan lebat selama enam jam Jumaat lalu mengakibatkan limpahan air sungai dan banjir lumpur melanda kawasan itu.

Penghulu Pos Bihai, Alang Segan berkata, penduduk Orang Asli di sekitar lima pos terbabit terpaksa berkurung di rumah kerana terkepung dengan jalan ter-

putus.

Malah, katanya mereka berdepan dengan masalah kehabisan makanan dan sukar untuk ke bandar.

“Ada penduduk yang berusaha membersihkan jalan tertimbus dan membaiki jalan yang runtuh itu.

“Bagaimanapun, kita mengharapkan kerajaan da-

pat mengambil tindakan segera untuk membaikinya supaya penduduk tidak terkepung dengan masalah itu terlalu lama.

“Ini adalah pertama kali berlaku keadaan seumpama itu dan sebelum ini hanya kerosakan jalan sahaja apabila hujan,” katanya ketika ditemui, semalam.